

TERMA & SYARAT

- Organisasi atau persatuan yang tidak berasaskan keuntungan.
- Berdaftar dan berpangkalan di Negeri Selangor.
- Pelaksanaan program/projek di Negeri Selangor.
- Bagi Organisasi/Persatuan yang tidak berpangkalan di Negeri Selangor, permohonan akan dipertimbangkan sekiranya program/projek tersebut unik dan mempunyai manfaat yang spesifik kepada rakyat Negeri Selangor serta tidak bercanggah dengan permohonan projek daripada organisasi/Persatuan Komuniti yang berpangkalan di Negeri Selangor.

CARTA ALIR

Carta Alir Pelaksanaan Program Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) & Geran Kecil Teknologi Hijau (GKTH) Negeri Selangor

HEBAHAN

Hebahan dibuat melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor / Pejabat Daerah & Tanah / Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

PERMOHONAN

Permohonan melalui Google Form: Permohonan Geran Kecil Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2023 dan hantar melalui e-mel atau serahan tangan di SPBT, UPEN

KELULUSAN

Keputusan kelulusan permohonan Program GKAS dan GKTH melalui e-mel

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Program GKAS dan GKTH Negeri Selangor 2023

LAPORAN

Laporan dihantar ke Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN Selangor melalui e-mel atau serahan tangan

Permohonan seperti berikut **TIDAK** akan dipertimbangkan:

- Program / projek yang telah mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada organisasi lain.
- Pembiayaan untuk menanggung kos pentadbiran persatuan (sewa bangunan, bil utiliti, gaji pekerja, kos perjalanan).
- Pembelian peralatan elektronik seperti telefon bimbit, komputer riba dan lain-lain yang tidak menyumbang kepada pelaksanaan program.
- Program / projek yang berunsurkan politik, kutipan derma dan mempromosikan rokok, arak, dadah dan aktiviti perjudian.
- Pembiayaan kepada individu untuk menanggung kos perjalanan menghadiri kursus dan persidangan.
- Program / projek yang dilaksanakan di luar Negeri Selangor
- Program / projek yang sedang / telah dilaksanakan sebelum geran diluluskan.

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
Unit Perancang Ekonomi
Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
No. Telefon: 03 55447841
E-mel:

selangor.environmentgrant@gmail.com



OBJEKTIF GERAN

- Program Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2023 bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam kehidupan seharian rakyat Negeri Selangor.
- Membantu komuniti dalam organisasi dan persatuan untuk mengakses pembiayaan bagi projek inovasi berkaitan inisiatif pemuliharaan alam sekitar, kecekapan tenaga, serta penghijauan.



TEMA PROJEK / PROGRAM

Permohonan bagi Program Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2023 haruslah mengikut tema seperti berikut:

ALAM SEKITAR	TEKNOLOGI HIJAU
PERUNTUKAN	
RM 10 RIBU	RM 20 RIBU
Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar	Program Bandar Rendah Karbon
Program SDG 13: Perubahan Iklim	Inisiatif Penjimatan Tenaga & Air dan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH)
Penanaman Pokok & Kebun Komuniti	Kempen Kesedaran & Pengumpulan Sisa e-Waste
Program Kitar Semula & Kempen Bebas Plastik	Penggunaan Produk Teknologi Hijau



JADUAL PELAKSANAAN

PELAKSANAAN	TARIKH
Tempoh Permohonan Geran	20 April 2023 - 10 Mei 2023
Tarikh Pemakluman Keputusan	22 Mei 2023
Tempoh Pelaksanaan Program / Projek	1 Jun 2023 - 30 Oktober 2023
Tarikh Penyerahan Laporan	13 November 2023



KAEDAH PERMOHONAN

Sila layari Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor. Penghantaran dokumen boleh dibuat melalui e-mel selangor.environmentgrant@gmail.com atau serahan tangan di Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.



PROGRAM GERAN KECIL ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI SELANGOR TAHUN 2023



**YAB Dato' Seri
Amirudin bin Shari
Dato' Menteri
Besar Selangor**

**YB Tuan Hee Loy Sian
Exco Pelancongan
dan Alam Sekitar
Negeri Selangor**